

SEJARAH WANITA INDIA DI TANAH MELAYU: SATU PENELITIAN LITERATUR

Karthiyini a/p Katigason & Azharudin Mohamed Dali*

Abstrak

Makalah ini merupakan satu penelitian literatur yang telah dijalankan mengenai wanita India di Tanah Melayu dalam pelbagai aspek. Pensejarahan Malaysia telah mengalami satu transformasi yang ketara sejak negara ini mencapai kemerdekaan. Penulisan sejarah mula memberikan perhatian kepada sejarah kaum wanita yang melibatkan aspek-aspek ekonomi dan sosial dan tidak hanya menjurus kepada kaum lelaki semata-mata. Kebanyakan kajian sejarah yang dilakukan lebih tertumpu kepada kaum lelaki yang memainkan peranan penting dalam politik, ekonomi dan sosial. Penulisan mengenai sejarah wanita India kurang diberi perhatian dalam penulisan dan pengkajian sejarah sebelum ini, namun ia mula diteroka oleh sejarawan muda terutamanya di universiti-universiti tempatan. Makalah ini menjawab persoalan mengenai apakah kajian-kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji sejarah wanita India di Tanah Melayu yang meliputi buku, kajian ilmiah dan disertasi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui data-data yang diambil dan dianalisis daripada sumber-sumber pertama dan kedua. Hasil kajian didapati bahawa kajian-kajian yang telah dijalankan tentang wanita India dapat dikategorikan melalui tiga tema iaitu masyarakat India di Tanah Melayu, sejarah gender di Tanah Melayu dan sejarah wanita India di Tanah Melayu. Kajian mengenai wanita adalah sangat penting kerana penglibatan wanita dalam pembangunan negara dan sumbangan mereka dari segi ekonomi, politik dan sosial telah menimbulkan pelbagai dimensi persoalan gender. Kajian ini memberi fokus kepada penelitian literatur terhadap sejarah wanita India di Tanah Melayu.

Kata kunci: Penelitian literatur, Wanita India

Pengenalan

Makalah ini membincangkan mengenai kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai sejarah wanita India di Tanah Melayu. Fokus utama kajian ialah untuk menjelaskan dengan lebih jelas dan terperinci tentang kajian-kajian yang telah dilakukan mengenai wanita India di Tanah

* Karthiyini a/p Katigason merupakan seorang guru dan kini melakukan kajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan yang mengkaji mengenai sejarah sosial masyarakat India di Tanah Melayu dan Azharudin Mohamed Dali merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Melayu sebagai subjek kajian. Kajian ini penting kerana dapat mengenalpasti jenis-jenis kajian yang telah dijalankan mengenai wanita India. Sebagai permulaan makalah membincangkan sejarah kedatangan wanita India ke Tanah Melayu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka secara ringkas. Bagi membincangkan tema pertama iaitu masyarakat India di Tanah Melayu, buku dan disertasi telah digunakan kajian mengenai masyarakat India dari segi ekonomi, sosial dan politik. Buku yang dikaji oleh pengkaji ialah buku Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore* dan buku K.S. Sandhu, *Indians in Malaysia, Some Aspect of their Immigration and Settlement 1786-1957*. Sandhu dan Sinnappah membincangkan faktor-faktor orang India dibawa ke Tanah Melayu dan cara yang digunakan untuk membawa mereka dengan lengkap. Kajian ilmiah peringkat sarjana oleh Shainth@Shanth a/l Subramanian, “Penglibatan Central Indian Association of Malaya dalam isu Buruh India di Tanah Melayu, 1936-1941”, Saravanan a/l Ramalingam, “Masyarakat Tamil dan Tentera Kebangsaan India (INA) di Tanah Melayu, 1941-1945”, Subhasini a/p Vamana, “Masalah Alkoholisme di kalangan Masyarakat India di Semenanjung Malaysia dari tahun 1980-2000” dan Shamala a/p Krishnan, “Penglibatan Kaum dalam ekonomi Semenanjung Malaysia, 1957-1970”, merupakan antara beberapa kajian tentang masyarakat India di Tanah Melayu.

Tema kedua ialah sejarah gender di Tanah Melayu. Antara kajian ilmiah yang dihasilkan mengenai wanita ialah Resha Bt Mohd Benjamin, “Perkembangan Sayap Wanita dalam ‘Malaysia India Congress’ (MIC), 1955-1975”, Shanthiah a/p Rajagopal, “Pembentukan ‘Indian National Army’ di Tanah Melayu pada zaman Pendudukan Jepun 1841-1945”, Puspa Nathan a/l Nadarajah, “Wanita dalam Cerpen-cerpen R. Kathigesu”, Ilangkumaran Sivanadhan, “Kedudukan Wanita dalam karya-karya kreatif M.A. Ilanchelvan dari perpekstif feminisme” dan Avaliar a/l Muthusamy, “Imej Wanita” dalam karya Na. Maheswari tetapi mereka telah mengetengahkan persoalan yang berbeza mengenai wanita. Resha dan Shanthiah telah membincangkan penglibatan wanita dalam politik. Manakala Ilangkumaran menilai sumbangan dan peranan penulis veteran Tamil Malaysia iaitu M.A. Ilanchelvan dari perspektif feminisme. Puspa Nathan pula mengkaji watak wanita yang dihasilkan oleh R. Kathigesu dalam cerpennya dan Avaliar pula mengkaji imej wanita yang dihasilkan dalam karya Na. Maheswari. Walaupun kelima-lima kajian membincangkan tentang topik yang berbeza tetapi satu persamaan yang terdapat di antara kelima-lima hasil kajian ini ialah feminisme.

Tema ketiga ialah sejarah wanita India di Tanah Melayu. Tema ini adalah mengenai kajian yang dijalankan tentang wanita India mengikut disiplin sejarah. Kajian yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour* dan Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Kajian ilmiah peringkat ijazah pertama oleh Hafizul bin Mohd Sari, “Sosial dan Ekonomi Buruh Wanita di Tanah Melayu” dan Rathi Devi a/p Perumal, “Keadaan Sosial Buruh India di Tanah Melayu, 1931-1957”, disertasi sarjana oleh Nurul Asnida, “Kegiatan Pelacuran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1930” dan tesis PhD oleh Parameswary a/p Krishnan, “Todi dalam Kalangan Masyarakat India di Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957” pula membincangkan kehidupan sosial wanita India di Tanah Melayu dalam sudut yang berbeza. Penelitian terhadap kajian literature ini adalah penting kerana dapat menentukan ‘gap’ dalam sesuatu topik yang dikaji dan ini akan membuka ruang kepada pengkaji untuk membuat kajian tentang sesuatu topik dengan lebih meluas dan terperinci.

Wanita India di Tanah Melayu

Majoriti orang India yang berhijrah ke Tanah Melayu melalui sistem ikatan kontrak terdiri daripada orang lelaki. Wanita India pula dikatakan menderita di bawah sistem ikatan kontrak kerana mereka biasanya diculik untuk dijadikan pelacur.¹ Kerja merekrut buruh yang menguntungkan ini telah menarik perhatian *maistries* untuk mendapatkan seberapa banyak buruh India walaupun dengan cara menculik lelaki, wanita dan kanak-kanak. Menurut Kernial Singh Sandhu,

Women....who has passing quarrel with their husbands or parents are seduced away by females employed for the purpose, who bring them on board ship before they know what they have done. Boys are carried off suddenly from their village and are lost to their parent...²

Namun begitu, terdapat golongan wanita juga telah datang ke Tanah Melayu bersama-sama suami mereka. Nisbah kedatangan wanita India ke Tanah Melayu pada tahun 1891 ialah 18 orang bagi setiap 1000 orang lelaki India. Kedatangan wanita India pada mulanya adalah sangat sedikit kerana keadaan hidup dan jenis pekerjaan di Tanah Melayu adalah tidak sesuai untuk mereka.³ Namun pada awal abad ke-20, British memberi galakan dan membuat pengaturan untuk buruh India berhijrah ke Tanah Melayu dengan keluarga mereka. Hal ini kerana, British hendak menggunakan kaum wanita sebagai buruh dan tenaga pekerja dalam beberapa sektor ekonomi.⁴ Kerajaan British menekankan agar seramai 25% hingga 50% imigran dari India terdiri daripada wanita India. Hal ini untuk menggelakkan perbezaan yang ketara antara lelaki India dan wanita India di Tanah Melayu.⁵ Pada mulanya, wanita India yang datang ke Tanah Melayu merupakan banduan yang telah melakukan kesalahan di India. Pada 18 April 1825, seramai 73 banduan lelaki dan seorang banduan wanita telah dihantar ke Singapura.⁶ Menurut Sandhu, pada tahun 1860, 217 daripada 4063 banduan ialah wanita manakala pada tahun 1865, 187 daripada 3399 banduan adalah wanita.⁷ Mereka dihantar ke Tanah Melayu untuk membangunkan Negeri-negeri Selat seperti membuat jalan raya, bangunan, jambatan dan memulihkan kawasan paya.⁸ Banduan-banduan ini terdiri daripada pencuri, perompak, kumpulan penyamun dan pembunuh. Banduan juga terdiri daripada pemberontak dan ahli politik selepas tahun 1857. Tiga perempuan daripada banduan ini menjalani hukuman seumur hidup dan selebihnya menjalani hukuman selama tujuh hingga dua puluh tahun.⁹

-
- 1 Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987. hlm. 58.
 - 2 Kernial Singh Sandhu, 'Some Preliminary Observation of the Origins and Characteristics of Indian Migration to Malaya 1786-1957', *Intisari*, Vol. III, No. 4, 1962, hlm. 79.
 - 3 State Engineer kepada The Secretary to Government of Selangor, 31 August 1899, 4455/1899, hlm. 2.
 - 4 Shanthini Pillai and Noraini Md. Yusof, *Multiple Shakti: Literary Eshoes of Indian Women*, Chapter 2: "Relocated Identities, Redefined Voices the India Women of Colonial Malaya", Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 35.
 - 5 Sandhu, K.S., *Indians in Malaya, Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*, New York: Cambridge University Press, 1969, hlm 82.
 - 6 George Netto, *Indians in Malaya*, Singapore: National Library Board Singapore, 2009, hlm. 16.
 - 7 Sandhu, K.S., *Indians in Malaysia, Some Aspect of their Immigration and Settlement 1786-1957*, hlm. 135.
 - 8 Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 57.
 - 9 Sandhu, K.S., *Indians in Malaysia, Some Aspect of their Immigration and Settlement 1786-1957*, hlm. 137.

Di Tanah Melayu, getah mula ditanam secara besar-besaran dan mula menggantikan tebu dan kopi pada tahun 1900. Orang India telah dibawa masuk ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang getah melalui sistem kontrak, kangani dan buruh bebas.¹⁰ Wanita India pula dibawa ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai penoreh getah, pekerja pemprosesan getah di kilang estet getah, tukang potong rumpai ladang kelapa sawit dan penyembur racun.¹¹ Wanita India di Tanah Melayu telah melalui kehidupan yang sukar. Mereka terpaksa bekerja untuk gaji yang rendah jika dibandingkan dengan orang lelaki untuk menyara kehidupan mereka dan keluarga. Jumlah gaji yang diterima oleh buruh lelaki dan wanita adalah berbeza mengikut negeri. Pada tahun 1930, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, gaji yang diterima oleh buruh lelaki dan wanita di daerah Lipis, Raub, Bentong dan Temerloh di Pahang ialah 47 sen dan 37 sen. Di daerah Klang, Kuala Selangor dan Kuala Langat pula, buruh lelaki dan wanita diberikan gaji sebanyak 40 sen dan 32 sen. Manakala di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, gaji yang diterima oleh buruh lelaki dan wanita di Kelantan ialah 47 sen dan 37 sen.¹² Penghijrahan wanita India ke Tanah Melayu telah membuka peluang kepada mereka untuk mendapat gaji bagi pekerjaan yang dilakukan. Hal ini kerana, mereka tidak mendapat peluang ini di India. Peranan mereka dalam sesebuah keluarga juga dianggap penting kerana mereka juga memberi sokongan dari segi kewangan untuk membantu keluarga. Biasanya wanita India terlibat dalam aktiviti pertanian di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.¹³

Masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh mereka telah menyusahkan kehidupan mereka dan menjejaskan taraf hidup mereka. Wanita India dipaksa menjadi pelacur oleh suami atau keluarga. Terdapat kes di mana suami memaksa isteri menjadi pelacur dan isterinya didera dan dipukul sekiranya enggan berbuat demikian.¹⁴ British hanya mementingkan kepentingan ekonomi mereka di Tanah Melayu dan keuntungan yang diperolehi daripada hasil ekonomi. Mereka telah mengabaikan kebajikan pekerja yang bertungkus lumus bekerja. Sejarah sosial wanita India di Tanah Melayu turut memperlihatkan penglibatan mereka dalam pergaduhan, masalah rumahtangga, pergaulan bebas, mengambil alkohol seperti todi dan samsu dan mereka juga menghadapi masalah kesihatan. Apabila situasi menjadi serius, pihak berkuasa seperti kerajaan India, British di Tanah Melayu dan persatuan-persatuan India di Tanah Melayu telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah wanita India dan menjaga kebajikan mereka. Antaranya ialah British telah menubuhkan Ordinan Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak 195 untuk melindungi wanita dan kanak-kanak di Tanah Melayu daripada pelacuran.¹⁵ Walaupun terdapat kajian tentang wanita Melayu dan Cina namun sejarah wanita India di Tanah Melayu ketika zaman penjajahan British masih belum diberi perhatian secara menyeluruh. Masyarakat India datang ke Tanah Melayu secara beramai-ramai pada akhir abad ke-19 bukan sahaja terdiri daripada golongan lelaki sahaja tetapi juga golongan wanita.

10 George Netto, *Indians in Malaya*, hlm. 25.

11 Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1994, hlm. 133.

12 The British Adviser Perlis and Perak to the Secretary of Govt of Indian, Dept. of Education, Health and lands, 25th November 1930, H.C.O 1288/30, hlm. 2.

13 Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 64.

14 Ag. Protector of Chinese, Selangor and Pahang to The Secretary to Resident, Selangor, 29th March 1934, 296/1934, hlm. 2-3.

15 Attorney-General kepada The Chief Sosial Welfare Officer, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 28th January 1957, No.925.

Dalam sejarah masyarakat India, banyak tumpuan dan kajian dijalankan tentang kedatangan mereka di Tanah Melayu dan penglibatan mereka dalam sektor perladangan. Selain itu, kajian tentang masyarakat India selalunya dikaji tentang kehidupan golongan lelaki. Malah agak terhad jumlah kajian yang khusus membicarakan tentang kehidupan sosial wanita India di Tanah Melayu secara terperinci.

Penelitian Literatur

Penelitian literatur ini dijalankan untuk menjelaskan dengan lebih jelas dan terperinci tentang kajian-kajian yang telah dilakukan mengenai wanita India di Tanah Melayu sebagai subjek kajian. Kebiasaannya, ia dilakukan ketika proses penyelidikan sedang dilakukan bagi meneliti pelbagai bahan sama ada buku, artikel yang telah diterbitkan yang akan membantu pengkaji memberi tumpuan kepada masalah penyelidikan.¹⁶ Dalam masa yang sama, penentuan terhadap 'gap' dalam satu-satu topik akan dapat dikenal pasti melalui penelitian literatur ini. Kajian ini terdiri daripada tiga tema. Tema yang pertama ialah masyarakat India di Tanah Melayu. Buku, dan disertasi telah digunakan untuk membincangkan kajian yang telah dijalankan tentang masyarakat India di Tanah Melayu dari segi ekonomi, politik dan sosial. Tema kedua ialah sejarah gender di Tanah Melayu. Melalui tema ini pengkaji membincangkan kajian terdahulu yang dijalankan tentang wanita mengikut persoalan yang berbeza. Tema ketiga ialah sejarah wanita India di Tanah Melayu. Tema ini adalah mengenai kajian yang dijalankan tentang wanita India mengikut disiplin sejarah.

Masyarakat India di Tanah Melayu

Buku yang dihasilkan oleh Sandhu,¹⁷ dan Sinnappah¹⁸ merupakan antara buku yang sangat penting yang sentiasa menjadi rujukan pengkaji di dalam dan luar negara. Sandhu dan Sinnappah membincangkan faktor-faktor orang India dibawa ke Tanah Melayu dan cara yang digunakan untuk membawa mereka dengan lengkap. Perbincangan Sinnappah tentang orang India di Tanah Melayu adalah sebelum dan selepas kemerdekaan tetapi tumpuan Sandhu hanya sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Sandhu dan Sinnappah menggarap proses penghijrahan dan penempatan orang India di Tanah Melayu dari tahun 1786 sehingga 1957 dan membincangkan penglibatan orang India dalam pertanian, perdagangan dan golongan profesional di Tanah Melayu. Selain itu, Sandhu dan Sinnappah ada membicarakan serba sedikit mengenai wanita India dalam buku mereka. Sandhu menjelaskan bahawa majikan wanita biasanya menipu wanita yang mempunyai masalah keluarga ataupun bergaduh dengan suami atau ibu bapa dengan membawa mereka bekerja di Tanah Melayu.¹⁹ Sinnappah pula menjelaskan bahawa wanita India yang muda dibawa untuk tujuan pelacuran.²⁰ Namun

16 Zainudin Hj Awang, *Research Methodology for Business & Social Science*, Shah Alam: University Publication Centre, 2010, hlm. 21.

17 Sandhu, K.S., *Indians in Malaysia, Some Aspect of their Immigration and Settlement 1786-1957*.

18 Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, London, Oxford University Press, 1970.

19 Sandhu, K.S., *Indians in Malaysia, Some Aspect of their Immigration and Settlement 1786-1957*, hlm. 79.

20 Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 13.

tidak ada penerangan lebih lanjut tentang kegiatan pelacuran di Tanah Melayu dalam kalangan wanita India. Walaupun begitu, Sinnappah membincangkan dengan ringkas tentang kehidupan sosial orang India di Tanah Melayu di mana mereka terlibat dengan masalah alkohol, kemudahan hospital yang tidak memuaskan, keadaan rumah yang kecil dan tidak bersih dan juga masalah-masalah sosial yang lain seperti pelacuran dan jenayah.²¹ Sandhu dan Sinnappah telah menggunakan pelbagai sumber pertama dan kedua dalam menghasilkan buku mereka. Sandhu telah menggunakan banyak rujukan dan menunjukkan dengan jelas di bahagian bibliografi pembahagian antara sumber pertama dan kedua jika dibandingkan dengan Sinnappah. Namun demikian, tidak ada satu topik khas yang menceritakan tentang wanita India. Perkara yang disentuh hanya adalah terlalu sedikit dan hanyalah sub topik untuk menyokong sesuatu peristiwa.

Kajian ilmiah peringkat sarjana oleh Shainth, Saravanan, Subhasini dan Shamala merupakan antara kajian tentang masyarakat India di Tanah Melayu. Shainth,²² Saravanan,²³ Subhasini²⁴ dan Shamala²⁵ membincangkan pertapakan orang India di Tanah Melayu yang menyentuh faktor-faktor penarik dan penolak yang mendorong kedatangan mereka ke Tanah Melayu dan kaedah yang digunakan untuk membawa mereka ke Tanah Melayu. Shamala dan Subhasini memfokuskan kepada orang India di Negeri-negeri Melayu Bersekutu manakala tumpuan Shainth dan Saravanan ialah di Tanah Melayu. Shamala membincangkan penglibatan kaum India dalam ekonomi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan menjelaskan jenis-jenis pekerjaan yang diceburi oleh kaum India sebelum dan selepas kemerdekaan.²⁶ Subhasini pula membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan masalah alkoholisme dalam kalangan masyarakat India dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Kajian ini ada kaitan dengan kajian pengkaji kerana Subhasini menjelaskan akibat suami ketagih samsu, wanita India terpaksa melalui penderitaan dan kesengsaraan dalam kehidupan. Suami yang kaki botol juga selalu mendera isteri.²⁷ Selain itu, Saravanan membincangkan peranan yang dimainkan oleh Tentera Kebangsaan India (Indian National Army - INA) di Tanah Melayu dan penglibatan masyarakat Tamil dalam INA. Saravanan dan Shainth menggarap peranan yang dimainkan oleh CIAM untuk menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu. Saravanan menjelaskan di Tanah Melayu, CIAM memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan buruh seperti gaji, pendidikan untuk anak, kemudahan hospital, kepentingan dan keselamatan wanita.²⁸ Manakala Shainth membincangkan CIAM yang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap pengabaian kebajikan buruh India oleh British.²⁹

21 Ibid., hlm., 63.

22 Shainth@Shanth a/l Subramanian, Penglibatan Central Indian Association of Malaya dalam isu Buruh India di Tanah Melayu, 1936-1941, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.

23 Saravanan a/l Ramalingam, Masyarakat Tamil dan Tentera Kebangsaan India (INA) di Tanah Melayu, 1941-1945, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

24 Subhasini a/p Vamana, Masalah Alkoholisme di kalangan Masyarakat India di Semenanjung Malaysia dari tahun 1980-2000, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006/2007.

25 Shamala a/p Krishnan, Penglibatan Kaum dalam ekonomi Semenanjung Malaysia, 1957-1970, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.

26 Ibid., hlm. 26-33.

27 Subhasini a/p Vamana, Masalah Alkoholisme di kalangan Masyarakat India di Semenanjung Malaysia dari tahun 1980-2000, hlm. 54.

28 Saravanan a/l Ramalingam, Masyarakat Tamil dan Tentera Kebangsaan India (INA) di Tanah Melayu, 1941-1945, hlm. 30.

29 Shainth@Shanth a/l Subramanian, Penglibatan Central Indian Association of Malaya dalam isu Buruh India di Tanah Melayu, 1936-1941, hlm. 93.

Saravanan, Shainth dan Shamala memperincikan kaitan antara CIAM dan rusuhan kaum 1941 yang melibatkan buruh-buruh India di Klang. Shamala menggarap faktor utama berlakunya rusuhan kaum ialah gaji kerana buruh ladang daripada kaum lain menerima gaji yang lebih tinggi daripada buruh India.³⁰ Walaupun Saravanan, Shainth, Shamala dan Subhasini menggunakan sumber pertama dan kedua untuk menghasilkan kajian mereka namun sumber pertama yang digunakan masih lagi kurang. Perkara yang menarik minat pengkaji ialah kajian Saravanan kerana hampir semua sumber pertamanya ialah temubual. Seterusnya, Fokus Subhasini tentang wanita ialah hanya berfokuskan kepada masalah yang dihadapi oleh wanita India akibat suami mereka yang ketagih samsu. Shamala juga membincangkan masalah yang dihadapi oleh orang India di Tanah Melayu dalam bidang ekonomi tetapi fokusnya adalah selepas kemerdekaan. Walaupun kajian yang dijalankan oleh Shainth dan Saravanan dalam tempoh masa yang sama dengan pengkaji tetapi kajian mereka lebih menjurus kepada penglibatan orang India dalam persatuan India dan hanya perhatian yang sedikit diberikan tentang masalah wanita.

Sejarah Gender di Tanah Melayu

Beberapa kajian telah dijalankan mengenai wanita di Malaysia. Antara kajian ilmiah yang dihasilkan mengenai wanita ialah Resha,³¹ Shanthiah,³² Puspa Nathan,³³ Ilangkumaran³⁴ dan Avaliar³⁵ tetapi mereka telah menyetengahkan persoalan yang berbeza mengenai wanita. Resha dan Shanthiah telah membincangkan penglibatan wanita dalam politik. Manakala Ilangkumaran menilai sumbangan dan peranan penulis veteran Tamil Malaysia iaitu M.A. Ilanchelvan dari perspektif feminisme. Puspa Nathan pula mengkaji watak wanita yang dihasilkan oleh R. Kathigesu dalam cerpennya. Avaliar pula mengkaji imej wanita yang dihasilkan dalam karya Na. Maheswari. Satu persamaan yang terdapat di antara kelima-lima hasil kajian ini ialah feminisme. Resha membincangkan perkembangan sayap Wanita MIC dari tahun 1955 hingga 1975 dan sumbangan wanita MIC dari segi ekonomi dan sosial.³⁶ Shanthiah pula menggarap tentang penubuhan *Indian National Army* (INA) di Tanah Melayu pada zaman pendudukan Jepun dan sumbangannya dalam membangkitkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang India. Walaupun begitu, dalam bab 3 Shanthiah membincangkan mengenai penglibatan wanita India dalam rejimen Jhansi Rani pada tahun 1943. Pembentukan Rejimen Jhansi Rani mendapat sambutan yang hangat daripada wanita India di Tanah Melayu kerana

-
- 30 Shamala a/p Krishnan, Penglibatan Kaum dalam ekonomi Semenanjung Malaysia, 1957-1970, hlm. 36.
31 Resha Bt Mohd Benjamin, Perkembangan Sayap Wanita dalam 'Malaysia India Congress' (MIC), 1955-1975, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2018/2019.
32 Shanthiah a/p Rajagopal, Pembentukan 'Indian National Army' di Tanah Melayu pada zaman Pendudukan Jepun 1841-1945, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Unversiti Malaya, 2006/2007.
33 Puspa Nathan a/l Nadarajah, Wanita dalam Cerpen-cerpen R. Kathigesu, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Pengajian India, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014.
34 Ilangkumaran Sivanadhan, Kedudukan Wanita dalam karya-karya kreatif M.A. Ilanchelvan dari perpekstif feminisme, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
35 Avaliar a/l Muthusamy, Imej Wanita dalam karya Na. Maheswari, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Pengajian India, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2014.
36 Resha Bt Mohd Benjamin, Perkembangan Sayap Wanita dalam 'Malaysia India Congress' (MIC), 1955-1975, hlm. 40.

mereka hendak berjuang untuk membebaskan India daripada penjajahan British.³⁷ Resha pula menjelaskan penubuhan sayap Wanita MIC ini memberi peluang kepada golongan wanita menyuarakan pendapat mereka dan ini memberi nafas baru kepada pemikiran wanita India.³⁸ Resha juga menggarap penubuhan MTUC yang menjadi asas kepada kesedaran politik di kalangan wanita.³⁹

Shanthiah memfokuskan penyertaan rejimen Jahnsi Rani di medan perang di Burma untuk menentang British di India.⁴⁰ Puspa Nathan, Ilangkumaran dan Avaliar menjelaskan konsep Feminisme di pelbagai negara. Ilangkumaran menjelaskan bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh M.A. Ilanchelvan memperlihatkan unsur kewanitaian yang memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan khususnya kaum wanita agar keadilan dan hak yang sama rata diberikan kepada mereka.⁴¹ Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh R. Kathigesu mendukung penjelasan yang berkaitan dengan wanita dan menulis berdasarkan kehidupan masyarakat India di Malaysia.⁴² Avaliar menjalankan kajian untuk menilai sejauh mana Na. Maheswari melalui cerpen-cerpennya menceritakan imej wanita dalam karya beliau. Hal ini kerana Na. Maheswari merupakan cerpenis wanita Tamil Malaysia yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas di mana beliau telah menceburi bidang ini lebih dari setengah abad.⁴³ Puspa Nathan menjelaskan R. Kathigesu telah menggunakan kritikan feminis untuk menggambarkan watak wanita dalam cerpen-cerpen beliau secara menyeluruh. Kehadiran feminis wanita dalam bidang sastera adalah untuk membetulkan persepsi lelaki yang sering menganggap wanita sebagai objek atau simbol dalam karya-karya mereka.⁴⁴ Ilangkumaran pula menyuarakan pendangannya menentang penindasan kaum wanita. Dalam karya-karyanya, beliau menentang sekeras-kerasnya kaum wanita yang ditindas dari segi cemuhan dan fizikalnya.⁴⁵ Avaliar menjelaskan Na. Maheswari telah melakarkan pelbagai perwatakan wanita iaitu perwatakan wanita tradisi, perwatakan wanita moden dan perwatakan berunsur feminisme. Imej wanita tradisi adalah wanita sebagai suri rumah, patuh kepada tradisi, pegang kepada adat budaya dan kepercayaan agama. Manakala imej moden pula digambarkan dalam tulisan beliau sebagai suri rumah berpendidikan dan wanita berpendidikan yang sudah berkahwin dan bekerja. Imej wanita feminis yang memperjuangkan hak-hak wanita dan berdikari. Pengkaji menjelaskan feminisme India di India dan feminisme Tamil di Tanah Melayu.⁴⁶ Walau bagaimanapun, kajian Puspa Nathan, Ilangkumaran dan Avaliar tidak dihasilkan berdasarkan disiplin sejarah dan watak yang digunakan dalam karya dan cerpen merupakan inspirasi dan rekaan penulis.

-
- 37 Shanthiah a/p Rajagopal, Pembentukan 'Indian National Army' di Tanah Melayu pada zaman Pendudukan Jepun 1841-1945, hlm. 2.
- 38 Resha Bt Mohd Benjamin, Perkembangan Sayap Wanita dalam 'Malaysia India Congress' (MIC), 1955-1975, hlm. 40.
- 39 Ibid., hlm. 23.
- 40 Shanthiah a/p Rajagopal, Pembentukan 'Indian National Army' di Tanah Melayu pada zaman Pendudukan Jepun 1841-1945, hlm. 11.
- 41 Ilangkumaran Sivanadhan Kedudukan Wanita dalam karya-karya kreatif M.A. Ilanchelvan dari perpekstif feminisme, hlm. 4.
- 42 Puspa Nathan a/l Nadarajah, Wanita dalam Cerpen-cerpen R. Kathigesu, hlm. 46.
- 43 Avaliar a/l Muthusamy, Imej Wanita dalam karya Na. Maheswari, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Pengajian India, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2014.
- 44 Ibid., hlm. 90.
- 45 Ilangkumaran Sivanadhan, Kedudukan Wanita dalam karya-karya kreatif M.A. Ilanchelvan dari perpekstif feminisme, hlm. 61.
- 46 Avaliar a/l Muthusamy, Imej Wanita dalam karya Na. Maheswari, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Pengajian India, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2014.

Manakala Resha dan Shanthiah pula hanya memberi tumpuan kepada sumbangan wanita dalam bidang politik sahaja.

Sejarah wanita India di Tanah Melayu

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan sejarah wanita India di Tanah Melayu. Buku yang dihasilkan oleh Selvakumaran dan Virginia membincangkan faktor-faktor penghijrahan orang India dan cara-cara kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Buku Virginia adalah sangat penting bagi pengkaji kerana menjelaskan jumlah kedatangan wanita India ke Tanah Melayu dari tahun ke tahun. Populasi orang India di Tanah Melayu pada tahun 1920 ialah seramai 471,666 orang dan seramai 136,181 daripadanya ialah wanita. Manakala jumlah ini meningkat kepada seramai 624,000 lelaki dan 202,981 wanita pada tahun 1931.⁴⁷ Walaupun Selvakumaran dan Virginia membincangkan masalah yang dihadapi oleh wanita India di Tanah Melayu namun terdapat perbezaan dalam pandangan mereka. Selvakumaran menggarap masalah yang dihadapi oleh wanita India di ladang getah secara ringkas. Kebanyakan wanita India dihina dan dimarahi oleh penyelia dan buruh lelaki. Ada juga di antara mereka yang dirogol di kawasan ladang getah.⁴⁸ Virginia pula membincangkan masalah wanita India secara ringkas seperti masalah wanita India yang mengadakan hubungan seksual dengan lelaki lain, pergaduhan dan mabuk.⁴⁹ Virginia juga merungkaikan penglibatan wanita India dalam ekonomi di Tanah Melayu dan kehidupan wanita India yang telah berkeluarga di Tanah Melayu. Namun begitu, kajian Selvakumaran dan Virginia mengenai kehidupan sosial wanita India adalah terlalu ringkas dan tidak menyeluruh. Buku Selvakumaran pula merungkaikan kehidupan sosioekonomi orang India selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan iaitu sejak tahun 1959. Selvakumaran dan Virginia menggunakan pelbagai jenis bahan daripada sumber primer dan sekunder yang banyak membantu pengkaji.

Kajian ilmiah peringkat ijazah pertama oleh Hafizul bin Mohd Sari⁵⁰ dan Rathi Thevi a/p Perumal⁵¹, disertasi sarjana oleh Nurul Asnida Binti Abu Bakar⁵² dan tesis PhD oleh Parameswari a/p Krishnan⁵³ membincangkan kehidupan sosial wanita India di Tanah Melayu. Sebagai pembuka tirai, Hafizul, Rathi Thevi, Parameswari dan Nurul Asnida membincangkan sejarah kedatangan buruh India ke Tanah Melayu. Hafizul dan Nurul Asnida berkongsi isu yang sama iaitu penglibatan wanita India. Hafizul menjelaskan bahawa golongan atasan seperti 'Maistry', kangani dan orang Eropah di Tanah Melayu menjadikan wanita India sebagai bahan seksual.⁵⁴ Manakala Nurul Asnida pula membincangkan kegiatan pelacuran yang dijalankan di NNMB yang melibatkan wanita India. Kajian Nurul Asnida juga menjurus

47 Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 60-61.

48 Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour*, hlm. 135.

49 Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 60.

50 Hafizul bin Mohd Sari, *Sosial dan Ekonomi Buruh Wanita di Tanah Melayu*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013/2014.

51 Rathi Devi a/p Perumal, *Keadaan Sosial Buruh India di Tanah Melayu, 1931-1957*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003/2004.

52 Nurul Asnida, *Kegiatan Pelacuran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1930*, Disertasi Sarjana., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.

53 Parameswari a/p Krishnan, *Todi dalam Kalangan Masyarakat India di Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957*, Tesis Ph.D., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014, hlm. 263.

54 Hafizul bin Mohd Sari, *Sosial dan Ekonomi Buruh Wanita di Tanah Melayu*, hlm. 44.

kepada faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan kegiatan pelacuran di Tanah Melayu dan kesannya terhadap mereka.⁵⁵ Rathi Devi pula menyentuh kepada masalah kesihatan dan ancaman keselamatan yang dihadapi oleh wanita India di Tanah Melayu di bawah sub topik bekalan air, sanitasi dan keselamatan buruh India di kawasan perladangan. Kadar kematian yang tinggi dicatatkan di sektor perladangan disebabkan sanitasi persekitaran yang buruk. Rathi Devi juga menjelaskan bahawa kesihatan wanita India juga terancam kerana terpaksa melakukan kerja-kerja yang berat selepas baru bersalin.⁵⁶

Walaupun kajian Parameswari tertumpu kepada satu topik yang utama iaitu todi namun kajian ini terdapat serba sedikit mempunyai kaitan dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Parameswari menjelaskan bahawa terdapat beberapa kes di mana wanita India yang bekerja di ladang getah telah meninggal dunia kerana meminum todi yang tidak bersih dan todi yang dicampur dengan bahan-bahan berbahaya.⁵⁷ Walau bagaimanapun, kajian Hafizul dan Nurul Asnida hanya sehingga tahun 1930 manakala kajian Rathi Devi pula bermula dari tahun 1931 hingga 1957. Walaupun Hafizul mengkaji penglibatan wanita India dalam ekonomi namun fokusnya hanya kepada penglibatan wanita dalam sektor perladangan getah dan tumpuan yang diberikan kepada wanita India adalah sedikit jika dibandingkan dengan wanita Melayu dan Cina. Manakala kajian Nurul Asnida hanya merangkumi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan perbincangan yang menjurus kepada pelacur India adalah kurang jika dibandingkan dengan wanita Melayu dan Cina. Begitu juga dengan Rathi Devi kerana tidak menggambarkan secara menyeluruh masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita India di Tanah Melayu. Ini menunjukkan bahawa tidak ada kajian yang dijalankan tentang masalah yang dihadapi oleh wanita India di Tanah Melayu dari tahun 1900 hingga 1945. Oleh itu gap yang wujud dalam kajian ini ialah semua masalah yang dihadapi oleh wanita India tidak dibincangkan secara terperinci dan menyeluruh dalam satu kajian. Dalam kebanyakan kajian kehidupan sosial wanita hanya disentuh sebagai sub topik untuk membincangkan sesuatu topik yang besar. Dalam semua kajian, fokus hanya diberikan kepada wanita India yang bekerja di ladang getah. Kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai wanita India adalah bukan dari sudut disiplin sejarah. Manakala kajian yang dijalankan juga adalah mengenai kehidupan wanita India pada masa sekarang.

Kesimpulan

Penulisan dalam makalah ini mendalami satu aspek yang agak jarang diberikan perhatian sebelum ini iaitu mengenai sejarah wanita India di Tanah Melayu. Penelitian dilakukan terhadap aspek literature mengenai subjek ini. Penulisan literatur adalah penting untuk mengenalpasti jurang penyelidikan ataupun dikenali sebagai 'research gap' dalam sesuatu kajian. 'Research gap' ini merujuk kepada sesuatu aspek yang tidak pernah dikaji ataupun kajian ini pernah dikaji tetapi tidak secara meluas atau secara terperinci. Makalah ini merupakan satu penelitian kajian yang dijalankan mengenai wanita India di Tanah Melayu

55 Nurul Asnida, *Kegiatan Pelacuran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1930*, hlm. 58.

56 Rathi Devi a/p Perumal, *Keadaan Sosial Buruh India di Tanah Melayu, 1931-1957*, hlm. 52.

57 Parameswary a/p Krishnan, *Todi dalam Kalangan Masyarakat India di Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957*, hlm. 263.

dalam pelbagai aspek. Makalah ini membincangkan kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai sejarah wanita India di Tanah Melayu. Kajian yang dijalankan tentang kehidupan sosial wanita India dan masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita India sebelum ini adalah terlalu ringkas dan tidak menyeluruh. Dalam semua kajian, fokus hanya diberikan kepada wanita India yang bekerja di ladang getah dan masalah yang mereka terpaksa hadapi di Tanah Melayu secara ringkas. Selain itu, kebanyakan kajian yang dijalankan juga adalah mengenai kehidupan wanita India pada masa sekarang dari segi kekeluargaan, ekonomi domestik dan agama. Kajian mengenai wanita India juga banyak dilakukan mengenai peranan mereka dalam cerpen-cerpen dan karya-karya yang dihasilkan dalam bahasa Tamil. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai wanita India adalah bukan dari sudut disiplin sejarah. Oleh itu, kajian tentang kehidupan sosioekonomi wanita India di Tanah Melayu perlu dijalankan untuk mengisi *gap* yang telah lama ditinggalkan dalam kajian-kajian sebelum ini.

Jika diteliti secara mendalam, sejarah wanita kurang diberi perhatian kerana kebanyakan kajian sejarah yang dilakukan di negara ini didapati lebih tertumpu kepada kaum lelaki kerana tradisi penulisan lebih kepada politik, tokoh dan perang di mana kaum lelaki dikatakan memainkan peranan yang penting. Apabila berlaku penjajahan di Tanah Melayu maka penulisan berfokuskan sultan, pegawai kolonial dan pembesar Melayu. Hal ini menyebabkan lebih banyak kajian dilakukan tentang kaum lelaki jika dibandingkan dengan kaum wanita. Walau bagaimanapun, kajian mengenai wanita adalah sangat penting kerana penglibatan wanita dalam pembangunan negara dan sumbangan mereka dari segi ekonomi, politik dan sosial telah diakui dan wajar diberikan perhatian. Pensejarahan Malaysia telah mengalami satu transformasi yang ketara sejak negara ini mencapai kemerdekaan. Penulisan sejarah mula memberikan perhatian kepada sejarah kaum wanita yang melibatkan aspek-aspek ekonomi dan sosial dan tidak hanya menjurus kepada kaum lelaki semata-mata. Namun begitu belum ada kajian yang membincangkan mengenai kehidupan sosioekonomi wanita India di Tanah Melayu secara menyeluruh.

Rujukan

Sumber Pertama

Ag. Protector of Chinese, Selangor and Pahang to The Secretary to Resident, Selangor, 29th March 1934, 296/1934, hlm. 2-3.

Attorney-General kepada The Chief Sosial Welfare Officer, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 28th January 1957, No. 925.

State Engineer kepada The Secretary to Government of Selangor, 31 August 1899, 4455/1899.

The British Adviser Perlis and Perak to the Secretary of Govt of Indian, Dept. of Education, Health and lands, 25th November 1930, H.C.O 1288/30.

Sumber Kedua

Avaliar a/l Muthusamy, Imej Wanita dalam karya Na. Maheswari, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Pengajian India, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2014.

George Netto, *Indians in Malaya*, Singapore: National Library Board Singapore, 2009.

Hafizul bin Mohd Sari, Sosial dan Ekonomi Buruh Wanita di Tanah Melayu, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013/2014.

Nurul Asnida, Kegiatan Pelacuran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1930, Disertasi Sarjana., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.

Resha Bt Mohd Benjamin, Perkembangan Sayap Wanita dalam ‘Malaysia India Congress’ (MIC), 1955-1975, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2018/2019.

Sandhu, K.S., *Indians in Malaya, Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*, New York: Cambridge University Press, 1969.

Sandhu, K.S., “Some Preliminary Observation of the Origins and Characteristics of Indian Migration to Malaya 1786-1957”, *Intisari*, Vol. III, No. 4, 1962.

Shanthini Pillai and Noraini Md. Yusof, *Multiple Shakti: Literary Eshoes of Indian Women*, Chapter 2: “Relocated Identities, Redefined Voices the India Women of Colonial Malaya”, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, London, Oxford University Press, 1970.

SEJARAH WANITA INDIA DI TANAH MELAYU:
SATU PENELITIAN LITERATUR

- Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1994.
- Shainth@Shanth a/l Subramanian, Penglibatan Central Indian Association of Malaya dalam isu Buruh India di Tanah Melayu, 1936-1941, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Saravanan a/l Ramalingam, Masyarakat Tamil dan Tentera Kebangsaan India (INA) di Tanah Melayu, 1941-1945, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.
- Subhasini a/p Vamana, Masalah Alkoholisme di kalangan Masyarakat India di Semenanjung Malaysia dari tahun 1980-2000, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006/2007.
- Shamala a/p Krishnan, Penglibatan Kaum dalam ekonomi Semenanjung Malaysia, 1957-1970, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Shanthiah a/p Rajagopal, Pembentukan 'Indian National Army' di Tanah Melayu pada zaman Pendudukan Jepun 1841-1945, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2006/2007.
- Ilangkumaran Sivanadhan, Kedudukan Wanita dalam karya-karya kreatif M.A. Ilanchelvan dari perpekstif feminisme, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rathi Devi a/p Perumal, Keadaan Sosial Buruh India di Tanah Melayu, 1931-1957, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003/2004.
- Parameswary a/p Krishnan, Todi dalam Kalangan Masyarakat India di Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957, Tesis, Ph.D., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.
- Puspa Nathan a/l Nadarajah, Wanita dalam Cerpen-cerpen R. Kathigesu, Latihan Ilmiah M.A., Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014.
- Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987.
- Zainudin Hj Awang, *Research Methodology for Business & Social Science*, Shah Alam: University Publication Centre, 2010.